



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

BELANJAWAN 2025: KPN TERIMA PERUNTUKAN RM711.34 JUTA

PUTRAJAYA, 19 Oktober 2024 – Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Sri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan bertemakan **Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat** menggambarkan komitmen dan iltizam terhadap perihal kesejahteraan rakyat, perlindungan golongan rentan, kualiti taraf hidup rakyat, pembasmian rasuah dan pembangunan ekonomi negara. Falsafah ekonomi YAB Perdana Menteri tertumpu pada **mengangkat martabat rakyat**, dengan penekanan khusus ke atas memperkukuh sistem yang lemah dan menambah baik perkhidmatan awam asas.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata Belanjawan 2025 ini memberi penekanan kepada prinsip keterangkuman, dengan mengambil kira keperluan seluruh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama, dan budaya. Keterangkuman ini penting bagi memastikan tiada pihak yang terpinggir, sekaligus mengukuhkan perpaduan serta keharmonian negara.

Melalui Belanjawan 2025 ini, KPN telah diberi peruntukan sebanyak **RM711.34 juta** iaitu **RM587.35 juta** adalah Perbelanjaan Mengurus dan **RM123.99 juta** adalah Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini meningkat sebanyak lebih **11.88%** berbanding tahun 2024.

Tambahan pula, beberapa **inisiatif khas Belanjawan 2025** turut diumumkan kepada Kementerian Perpaduan Negara iaitu:

- i. Pelaksanaan program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian bagi memupuk semangat perpaduan serta jati diri (**RM50 juta**);
- ii. Memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga sebagai penghubung jalin dalam komuniti (**RM20 juta**);
- iii. Pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara dalam usaha memperkasa pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam (**RM15 juta**); dan

- iv. Pembaikan dan penyelenggaraan premis perpaduan bagi meningkatkan perkhidmatan awam kepada rakyat (**RM10 juta**).

Melalui peruntukan ini, KPN akan terus memperkasa hala tuju perpaduan negara melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif serta program yang dapat melestarikan perpaduan rakyat di samping memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa. Kementerian Perpaduan Negara akan memberikan tumpuan utama kepada **tiga fokus utama** pada tahun **2025** iaitu pemerkasaan **Kawasan Rukun Tetangga Progresif, Eksplorasi Rukun Negara dan Inisiatif Harmoni MADANI**.

KPN yakin dan percaya pembentangan belanjawan ini selari dengan hasrat Rancangan Malaysia ke-12 yang menyasarkan Indeks Perpaduan Nasional sebanyak 0.7 peratus pada tahun 2025. Pelaksanaan pelbagai program amat penting bagi mewujudkan tapak integrasi yang mampu meningkatkan interaksi antara rakyat pelbagai bangsa dan agama.

Kementerian Perpaduan Negara

19 Oktober 2024